SHOWA FACTORING (MALAYSIA) SDN BHD

lwn.

FOCUS ID (M) SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDUL HAMID EMBONG H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-355-1998]
25 APRIL 2001

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman terus - Tuntutan pemegang serahhak terhadap penyerahhak atas kegagalan pelanggan penyerahhak untuk menyelesaikan hutangnya - Samada tuntutan boleh dibuat memandangkan penghakiman yang telah diperolehi terhadap pelanggan tersebut - Samada faedah yang dikenakan berpatutan - Samada isu-isu yang perlu dibicarakan*

Ini adalah rayuan plaintif terhadap perintah Timbalan Pendaftar yang menolak permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan. Plaintif menuntut terhadap defendan-defendan jumlah wang sebanyak RM348,631.95 berserta caj bayaran pendahuluan pada kadar 24% mulai 1 Jun 1998 sehingga tarikh perintah dan atas kadar 8% mulai tarikh perintah sehingga tarikh penyelesaian.

Melalui satu perjanjian pemfaktoran ('perjanjian tersebut') diantara plaintif dan defendan pertama ('D1'), D1 telah menyerahhak dengan balasan bernilai segala hutang dan invois hasil daripada penjualan kredit yang diuruskan dengan pelanggan-pelanggan terpilihnya kepada plaintif. Perjanjian tersebut dijamin oleh defendan dua, tiga dan empat. Plaintif memulakan tindakan ini terhadap defendan-defendan akibat daripada kegagalan pelanggan terpilih D1 iaitu Autoways Construction Sdn Bhd ('Autoways') untuk menyelesaikan pembayaran yang sepatutnya kepada plaintif meskipun terdapat penghakiman terhadapnya. Dalam tindakan ini, plaintif bergantung kepada kegagalan D1 membeli semula invois-invois sepertimana yang diperuntukkan dalam fasal 13 perjanjian tersebut. Isu-isu yang dibangkitkan adalah samada plaintif diestop daripada memulakan tindakan ini memandangkan terdapatnya penghakiman terhadap Autoways; dan samada caj 24% yang dikenakan terhadap pembayaran pendahuluan yang telah dibuat kepada defendan mengikut perjanjian tersebut, berpatutan.

Diputuskan:

[1] Prinsip estoppel tidak terpakai dalam kes sekarang. Kewujudan penghakiman yang diperolehi terhadap Autoways tidak menghalang tindakan ini dimulakan terhadap defendan-defendan. Tindakan serentak boleh diambil terhadap penyerahhak dan pelanggan penyerahhak kerana isu dan kausa tindakan adalah berbeza dan berasingan.

[2] Isu faedah yang dibangkitkan oleh pihak defendan ditolak. Menurut perjanjian tersebut, plaintif berhak mengenakan caj bayaran pendahuluan pada kadar 11.3% setahun atau pada kadar yang akan ditetapkan atas budicara yang akan dimaklumkan dari masa kesemasa. Plaintif telah mengemukakan bukti yang mencukupi bagi menunjukkan bahawa notis perubahan kadar caj bayaran (bukannya faedah) telah dihantar dan dimaklumkan kepada D1. Pihak defendan telah gagal mencabar kebenaran dakwaan plaintif itu. Oleh itu mereka diestop dari menafikan hak plaintif sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian tersebut.

[3] Caj 24% yang dikenakan terhadap pembayaran pendahuluan kepada D1 tidak boleh dianggap sebagai faedah. Jikapun caj ini boleh dianggap sebagai faedah dan sekiranya kadar yang dikenakan adalah melebihi peruntukan statut, ia tidak boleh dijadikan alasan untuk menggagalkan tindakan ini kerana selagi ianya diniatkan sebagai satu terma dalam perjanjian tersebut dan dipersetujui secara bersama, mahkamah ini tidak akan campurtangan dalam hal tersebut.

[4] Undang-undang memperuntukkan kadar tidak melebihi 8% boleh dikenakan bagi faedah untuk semua hutang termasuk faedah atas penghakiman. Bagaimanapun, peruntukan am ini tidak terpakai dalam keadaan dimana kedua-dua pihak telah bersetuju untuk meletakkan kadar yang lebih tinggi (proviso kepada s. 16 Akta Mahkamah Kehakiman 1964).

[5] Setelah penilaian keterangan afidavit kedua-dua pihak dibuat, mahkamah memutuskan bahawa tiada pertikaian fakta atau undang-undang yang timbul dan tidak ada isu *bona fide* yang perlu lagi dibicarakan. Kesimpulannya ialah kes ini adalah tuntutan yang jelas dan nyata di mana plaintif boleh memasukkan penghakiman terus terhadap pihak defendan.

[Rayuan plaintif dibenarkan dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Alloy Automotive Sdn Bhd v. Perusahaan Ironfield Sdn Bhd [1986] 1 CLJ 2 ***(dirujuk)***

Amanah Factors Sdn Bhd (Formerly known as Chem Credit Sdn Bhd) v. Polycom Enterprise Sdn Bhd & Ors [1994] 1 CLJ 121 ***(dirujuk)***

AMDB Factoring Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Arab-Malaysia Enterprises Sdn Bhd) v. Iszajaya Sdn Bhd & Pihak-Pihak Lain [1998] 1 CLJ Supp 159 ***(diikuti)***

Anglo-Italian Bank v. Wells 38 LT 201 ***(diikuti)***

Arab Malaysian Merchant Bank Bhd v. Sin Hiap Enterprise [1989] 2 CLJ 980 ***(dirujuk)***

Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail & Ors [1992] 1 CLJ 627 ***(diikuti)***
Boustead Trading Sdn Bhd v. Arab Malaysia Merchant Bank Bhd [1995] 4 CLJ 283 ***(dirujuk)***
Chong Yoong Choy v. UOL Factoring Sdn Bhd [1996] 2 CLJ 605 ***(dirujuk)***
Chung Khiaw Bank Malaysia Bhd v. Raju Jayaraman Kerpaya [1995] 3 AMR 2337 ***(dirujuk)***
Des Etains De Bayas Tudjuh lwn. Woh Heng Mining Kongsi [1978] 2 MLJ 267 ***(dirujuk)***
Lien Chong Credit and Leasing Sdn Bhd lwn. Sri Saga Holdings Bhd [1996] 4 CLJ 168 ***(dirujuk)***
Perkapalan Shamelin Jaya Sdn Bhd lwn. Alpine Bulk Transport New York [1998] 1 CLJ 424 ***(dirujuk)***
Perwira Habib Bank Malaysia Bhd v. Pengkalan Enterprise Sdn Bhd [1992] 2 MLJ 35 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, s. 4(3)
Courts of Judicature Act 1964, s. 16(i)
Rules of the High Court 1980, O. 14, 42

Bagi pihak plaintif - Shirley Wong; T/n Chung & Wong
Bagi pihak defendan - Raam Kumar; T/n KB Tan, Kumar & Partners

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Abdul Hamid Embong H:

Perintah Timbalan Pendaftar menolak permohonan plaintif untuk penghakiman terus dibawah A. 14 Kaedah Mahkamah Tinggi telah diketepikan dan mahkamah ini telah membenarkan penghakiman terus dimasukkan terhadap defendan-defendan bagi jumlah wang sebanyak RM348,631.95 berserta caj bayaran pendahuluan pada kadar 24% mulai 1 Jun 1998 sehingga tarikh perintah dan atas kadar 8% mulai tarikh perintah ini sehingga tarikh penyelesaian. Defendan-defendan kini merayu terhadap keputusan saya itu.

Fakta Kes

Melalui satu perjanjian pemfaktoran bertarikh 19 Disember 1996 diantara plaintif dan defendan pertama (selepas ini dirujuk sebagai D1) plaintif telah bersetuju untuk membeli dan D1 pula bersetuju untuk menyerahhak secara muktamad dan dengan balasan bernilai segala hutang dan invois hasil daripada penjualan kredit yang diuruskan dengan pelanggan-pelanggan terpilih D1 tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian pemfaktoran tersebut. (Perjanjian di eks. LGN1 lamp. 4).

Perjanjian ini telah dijamin oleh D2, D3 dan D4 yang secara bersesama dan berasingan telah bersetuju untuk menanggung rugi segala hutang atau kerugian yang kena dibayar dan segala perbelanjaan serta kos yang dialami oleh plaintif berdasarkan surat jaminan dan tanggungan rugi bertarikh 19 Disember 1996 (eks. LGN2 lamp. 4 dirujuk).

Dengan perjanjian ini, D1 telah menyerahhak segala invois yang dikeluarkankepada pelanggan terpilihnya iaitu Autoways Construction Sdn. Bhd. (Selepas ini dirujuk sebagai Autoways) dan sebagaimana yang disyaratkan dalam perjanjian, plaintif telah membuat pembayaran pendahuluan kepada D1.

Notis tentang penyerahanhak hutang telah dihantar kepada Autoways dan mereka telah diarahkan untuk membuat pembayaran secara langsung kepada plaintif sebagai pemegang penyerahhak.

Autoways kemudiannya telah gagal membuat pembayaran sebagaimana yang mesti dan kena dibayar kepada plaintif. Natijah dari kemungkiran tersebut, satu tindakan sivil di MT Kuala Lumpur No. D2-22-985-97 telah dimulakan dan akhirnya satu penghakiman bertarikh 25 Mac 1998 telah diperolehi. Sebagai mematuhi perintah ini Autoways pada mulanya telah membuat beberapa pembayaran secara cek tertunda tarikh tetapi kemudiannya cek-cek ini telah dibatalkan oleh Autoways sendiri melalui surat peguam mereka bertarikh 8 Jun 1998.

Akibat kegagalan Autoways membuat pembayaran meskipun terdapat perintah mahkamah, plaintif telah menghantar notis meminta D1 membeli semua invois yang gagal dibayar oleh pelanggan terpilihnya atau menjelaskan semula bayaran pendahuluan yang telah dibayar oleh plaintif bersama-sama dengan caj-caj yang dikenakan. Notis juga telah dihantar kepada D2, D3 dan D4 sebagai penjamin setelah D1 gagal dan mengabaikan tanggungjawabnya. Sebagaimana D1, penjamin-penjamin ini juga telah mengingkari notis yang dihantar.

Peguam terpelajar defendan mempertikaikan tindakan ini atas alasan ianya merupakan satu pertindihan tuntutan. Hujah beliau, plaintif telahpun memperoleh penghakiman terhadap Autoways bagi tuntutan dan jumlah hutang yang sama. Sebagai pemegang penyerahhak, plaintif telah menggunakan haknya dengan menuntut terhadap pelanggan penyerahhak. Peguam terpelajar selanjutnya menghujahkan bahawa plaintif adalah diestop dari memulakan sebarang tindakan terhadap defendan-defendan sehingga semua hutang diselesaikan oleh Autoways.

Peguam terpelajar plaintif berhujah bahawa tindakan terhadap Autoways adalah berdasarkan kepada undang-undang penyerahanhak menurut s. 4(3) Akta Undang-Undang Sivil dan menurut keputusan kes *Arab Malaysian Merchant Bank Bhd v. Sin Hiap Enterprise (dituntut sebagai sebuah firma)* [1989] 2 CLJ 980, tanggungan untuk membayar timbul apabila notis penyerahanhak diterima oleh pelanggan penyerahhak dan tanggungjawab tersebut tidak boleh dinafikan semata-mata kerana mereka bukan pihak dalam perjanjian pemfaktoran.

Berbeza dengan kausa tindakan yang diambil terhadap Autoways, tuntutan terhadap defendan-defendan adalah berdasarkan kepada perhubungan kontraktual akibat dari pemecahan perjanjian pemfaktoran, dan secara khususnya, plaintif bergantung kepada kegagalan D1 membeli semula invois-invois sebagaimana yang diperuntukkan dalam fasal 13 perjanjian pemfaktoran.

Fasal 13 perjanjian adalah merupakan fasal pembelian semula invois-invois. Sekiranya pelanggan penyerahhak gagal membayar hutang/inbois yang diserahkan, maka pemegang penyerahhak boleh memulakan tindakan terhadap penyerahhak.

Dalam kes *Amanah Factors Sdn Bhd (Formerly known as Chem Credit Sdn Bhd) v. Polycom Enterprise Sdn Bhd & 6 Ors* [1994] 1 CLJ 121, James Foong, H memutuskan bahawa fasal pembelian semula ini adalah mandatori untuk dipatuhi sebelum pemegang penyerahhak boleh bergantung ke atasnya dan notis tersebut mestilah dibuat secara bertulis. Plaintif telahpun mematuhi kehendak fasal ini di mana notis-notis menuntut pembelian semula invois-invois yang gagal dibayar oleh Autoways bersama-sama dengan caj bayaran yang dikenakan telah dihantar kepada D1. Kesemua ini telah dibuktikan melalui eks. LGN9 di lampiran 4.

Keputusan Mahkamah

Adalah menjadi keputusan saya setelah pertimbangan kedudukan undang-undang, nas-nas dan fakta-fakta yang dibentangkan, prinsip estopel tidak terpakai dalam keadaan kes sekarang. Kewujudan penghakiman yang diperolehi terhadap Autoways tidak menghalang tindakan ini dimulakan terhadap defendan-defendan. Bagi menyokong dapatan ini, saya merujuk kepada kes *AMDB Factoring Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Arab-Malaysia Enterprises Sdn. Bhd.) v. Iszajaya Sdn. Bhd. & Pihak-pihak Lain* [1998] 1 CLJ Supp 159, yang memutuskan bahawa tindakan serentak boleh diambil terhadap penyerahhak dan pelanggan penyerahhak kerana isu dan kausa tindakan adalah berbeza dan berasingan.

Saya juga telah menolak apa yang dikatakan sebagai isu faedah yang dibangkitkan oleh defendan-defendan bagi mengecewakan tuntutan ini. Dalam fasal 1(h) perjanjian pemfaktoran, plaintif berhak mengenakan caj bayaran pendahuluan pada kadar 11.3% setahun atau pada kadar yang akan ditetapkan atas budibicara yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa. Plaintif telah mengemukakan bukti yang mencukupi bagi menunjukkan bahawa notis perubahan kadar caj bayaran (bukannya faedah) telah dihantar dan dimaklumkan kepada D1 (eks. B lamp. 7 dirujuk). Defendan-defendan telah gagal mencabar kebenaran dakwaan plaintif ini. Oleh itu defendan-defendan adalah diestop dari menafikan hak plaintif sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian yang telah dipersetujui secara bersama.

Sebagaimana yang ditekankan oleh plaintif caj 24% ini dikenakan terhadap bayaran pendahuluan yang dilepaskan kepada D1, ianya tidak boleh dianggap sebagai faedah apatah lagi untuk dikatakan sebagai pengenaan faedah atas faedah dan sebarang dakwaan yang sedemikian adalah tanpa asas. Mahkamah tidak dapat menerima hujah peguam defendan-defendan sebagai terpakai kepada situasi disini.

Adalah menjadi keputusan saya bahawa jikapun caj ini boleh dianggap sebagai faedah dan sekiranya kadar yang dikenakan adalah melebihi peruntukan statut, ia tidak boleh dijadikan alasan untuk menggagalkan tindakan terhadap defendan kerana selagi ianya diniatkan sebagai satu terma dalam perjanjian dan telah dipersetujui secara bersama maka mahkamah ini tidak akan campurtangan dalam hal tersebut, walaupun kadarnya dikatakan keterlaluan dan tidak berpatutan. Kes *Perwira Habib Bank Malaysia Bhd. v. Pengkalan Enterprise Sdn. Bhd.* [1992] 2 MLJ 35 dan *Chung Khiaw Bank Malaysia Bhd. v. Raju Jayaraman Kerpaya* [1995] 3 AMR 2337, di mana Abdul Hamid Hj. Mohamed, H (pada masa itu) berpendapat 'that a bank's right to capitalise interest may be implied as a term which arises by reason of practice and usage of bankers.' Begitu juga kedudukannya terhadap amalan syarikat pemfaktoran.

Undang-undang memperuntukkan kadar tidak melebihi 8% boleh dikenakan bagi faedah untuk semua hutang termasuk faedah atas penghakiman. (S. 16(i) Courts of Judicature Act 1964, dan A. 42 Kaedah Mahkamah Tinggi dirujuk). Bagaimanapun, peruntukan am ini tidak terpakai dalam keadaan di mana kedua-dua pihak telah bersetuju untuk meletakkan kadar yang lebih tinggi (proviso kepada s. 16(i) CJA tersebut dirujuk).

Dari penilaian fakta-fakta di atas saya mendapati tiada isu-isu *bona fide* yang perlu dibicarakan. Saya sedar bahawa dalam membenarkan sesuatu permohonan untuk penghakiman terus, mahkamah seharusnya berhati-hati dalam menjalankan budibicaranya kerana penghakiman secara terus ini akan

menafikan peluang seseorang defendan dari membentangkan pembelaannya dalam perbicaraan penuh. Prinsip ini dinyatakan dengan jelas oleh Abdoolcader H, di dalam kes *Des Etains De Bayas Tudjuh lwn. Woh Heng Mining Kongsi* [1978] 2 MLJ 267, yang berbunyi:

> Order 14 was not intended to shut out a defendant who could show that there was a triable issue applicable to the claim as a whole from laying his defence before the court.

(Lihat juga kes *Alloy Automotive Sdn. Bhd. v. Perusahaan Ironfield Sdn. Bhd.* [1986] 1 CLJ 2).

Akan tetapi mahkamah juga bertanggungjawab untuk meneliti keterangan afidavit dan pembelaan defendan bagi menentukan samada keterangan itu telah berjaya menimbulkan isu yang perlu dibicarakan. Kegagalan mahkamah untuk membuat penilaian yang rapi terhadap keterangan itu akan membenarkan seseorang penentang menimbulkan pembelaan yang samar-samar dan palsu (sham and shadowy defence) serta berkata yang dia mempunyai isu yang perlu dibicarakan, seperti yang berlaku dalam kes ini. Bagi menentukan samada sesuatu perbicaraan penuh wajar diadakan saya bergantung kepada prinsip yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Bank Negara Malaysia v. Mohd. Ismail & Ors.* [1992] 1 CLJ 627 berbunyi:

> 1. In an application under O. 14, the court has to be satisfied on affidavit evidence that the defence has not only raised an issue, but also that the said issue is triable. The determination of whether an issue is or not triable depends on the facts or the law arising from each case as disclosed in the affidavit evidence before the court. A complete defence need not be shown. The defence set up need only show that there is a triable issue.
>
> 2. Under an O. 14 application, the duty of a judge does not end as soon as a fact is asserted by one party, and denied or disputed by the other in an affidavit. Where such assertion, denial or dispute is equivocal, or lacking in precision or is inconsistent with undisputed contemporary documents or other statements by the same deponent, or is inherently improbable in itself, then the Judge has a duty to reject such assertion or denial, thereby rendering the issue as not triable. Unless this principle is adhered to, a judge is in no position to exercise his discretion judicially in an O. 14 application.

Bagi kes ini, penilaian saya terhadap isu estopel dan pengenaan caj pendahuluan yang tinggi tidak membawa saya kepada kesimpulan bahawa ada isu yang patut dibicarakan. Kedudukan undang-undang pemfaktoran adalah jelas samada bagi tanggungan D1 mahupun terhadap D2, D3 dan

D4 sebagai penjamin. Lihat kes *Chong Yoong Choy v. UOL Factoring Sdn Bhd* [1996] 2 CLJ 605, di mana Mahkamah Rayuan telah memakai doktrin estopel yang sebelumnya digunapakai oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Boustead Trading Sdn Bhd v. Arab Malaysia Merchant Bank Bhd* [1995] 4 CLJ 283, untuk memberi kesan komersial kepada perjanjian pemfaktoran.

Bagi mematuhi fasal 22(1) dan (2) perjanjian, plaintif telah menghantar penyata-penyata akaun bulanan dan telah diterima oleh D1 tanpa sebarang bantahan. D1 telahpun mengakui hutang tersebut dengan membuat cadangan bayaran ansuran sebanyak RM1,000. Walaupun cadangan telah ditolak tetapi D1 tetap membuat pembayaran dan telah diterima oleh plaintif tanpa prejudis. Pembayaran yang dibuat telah ditunjukkan dalam eks. LGN14 di lampiran 4.

D1 menafikan pembayaran tersebut adalah untuk bayaran ansuran, sebaliknya mendakwa ianya dibuat atas arahan plaintif supaya tindakan dapat diambil terhadap Autoways. Adalah mudah untuk defendan-defendan membuat penafian terhadap apa yang berlaku dan jika mahkamah ini menerimanya, maka akan timbul satu keadaan di mana dakwaan kosong begini akan dijadikan asas bagi menolak sesuatu permohonan untuk penghakiman terus A. 14 KMT. Keadaan ini tentunya tidak akan mencapai hasrat tujuan dan rasional A. 14 itu sendiri, di mana seseorang plaintif sepatutnya diberi manfaat penghakiman terus jika defendan tidak mempunyai pembelaan *bona fide* yang perlu dibicarakan. (Lihat kes *Perkapalan Shamelin Jaya Sdn. Bhd. lwn. Alpine Bulk Transport New York* [1998] 1 CLJ 424).

Setelah penilaian keterangan afidavit kedua-dua pihak dibuat, saya memutuskan bahawa tiada pertikaian fakta atau undang-undang yang timbul dan tidak ada isu *bona fide* yang perlu lagi dibicarakan. Kesimpulannya ialah kes ini adalah tuntutan yang jelas dan nyata di mana plaintif boleh mencatitkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan. (Lihat *Lien Chong Credit and Leasing Sdn Bhd lwn. Saga Holdings Bhd* [1996] 4 CLJ 168).

Dalam kes *Anglo-Italian Bank v. Wells* 38 LT 201 Jessel MR ada menyarankan:

> When the Judge is satisfied not only that there is no defence but no fairly arguable point to be argued on behalf of the defendant, it is his duty to give judgment for the plaintiff.

Saranan ini, bagi saya, tepat terpakai dalam kes ini.

Oleh itu, saya telah mengetepikan perintah Timbalan Pendaftar dengan membenarkan rayuan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan dengan kos.